

19 OCT 2001

Belanjawan-Rangkuman (Reaksi)

BELANJAWAN 2002 BUKTI K'JAAN TERUS BELA NASIB RAKYAT

KUALA LUMPUR, 18 Okt (Bernama) -- Belanjawan 2002 yang dibentangkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini secara amnya mendapat reaksi positif daripada pelbagai pihak dan dilihat sebagai usaha kerajaan membela nasib rakyat dalam suasana ekonomi dunia yang tidak menentu.

Ini ditambah dengan berita baik yang diumumkan Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan bahawa lebih 900,000 kakitangan awam akan menikmati bonus setengah bulan gaji atau sekurang-kurangnya RM1,000 tahun ini dan kenaikan gaji 10 peratus tahun depan.

Di KANGAR, Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim berkata Belanjawan itu dapat membantu merapatkan jurang pembangunan antara negeri-negeri di Malaysia dan menyifatkannya sebagai "yang terbaik di dunia".

"Ketika kebanyakan negara di dunia dilanda kemelesetan, kerajaan Malaysia yang diterajui Barisan Nasional (BN) masih berupaya membentangkan belanjawan yang menggembirakan," katanya ketika dihubungi di Kuala Lumpur.

Di KOTA KINABALU, Presiden Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) Tan Sri Joseph Kurup berkata Belanjawan itu mengambil kira keperluan orang ramai tidak kira latar belakang sosial mereka khasnya penduduk luar bandar negeri ini.

Ini kerana langkah-langkah yang digariskan di bawah belanjawan itu bertujuan membantu rakyat menghadapi impak kemelesetan global, katanya.

Di KUALA TERENGGANU, Ketua Pembangkang Negeri Datuk Abdul Rashid Ngah berkata kerajaan pusat tidak menyisihkan rakyat Terengganu dan Kelantan walaupun kedua-dua negeri itu diperintah oleh PAS.

Ketika dihubungi, beliau berkata peruntukan khas untuk rakyat termiskin untuk Terengganu dan Kelantan membuktikan kerajaan pusat tidak mengamalkan dasar diskriminasi dan akan terus menyediakan bantuan kepada rakyat di kedua-dua negeri itu.

Mengenai keganasan, Abdul Rashid yang juga Anggota Dewan Undangan Negeri Seberang Takir berkata langkah kerajaan mengambil tindakan awal menentang keganasan adalah bagi mengelakkan pelaburan asing dan pelancongan daripada terjejas.

Sementara itu, Presiden Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia Roslan Awang Chik menyambut baik langkah kerajaan menambah pendapatan kontraktor kelas F dengan meningkatkan projek-projek pembangunan luar bandar.

Kontraktor terbabit perlu bersyukur dengan peluang yang ada serta melaksanakan tugas yang diberikan dengan baik dalam usaha menjayakan rancangan pembangunan negara.

Di PULAU PINANG, Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon menganggap Belanjawan 2002 sebagai menyeluruh dan memberangsangkan terutama bagi Pulau Pinang yang ekonominya bergantung kepada sektor perindustrian serta bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Langkah kerajaan menggalakkan promosi dan memperuntukkan insentif bagi bidang robotik, jentera dan automasi, serta bidang pendidikan, ICT dan e-kerajaan akan turut memberangsangkan pertumbuhan ekonomi negeri ini.

Beliau juga berkata, insentif yang disediakan kepada pengusaha syarikat pelancongan serta sektor perkhidmatan khususnya perhotelan dan restoran akan membantu menjadikan sektor pelancongan lebih berdaya saing dan menarik lebih ramai pelancong dari negara-negara Asia ke sini.

Setiausaha Kehormat Sahabat Alam Malaysia Meena Raman berkata SAM

menyambut baik peruntukan RM114.1 juta bagi pembangunan Orang Asli serta kenaikan cukai terhadap industri tembakau di negara ini sambil menggesa kerajaan mengharamkan terus iklan barangan dan perkhidmatan yang berjenama rokok.

Di KOTA BAHARU, Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata Belanjawan tahun depan merupakan strategi yang cukup baik untuk dinikmati oleh rakyat terutama di negeri-negeri yang miskin seperti Kelantan.

Beliau berkata manfaat itu akan dirasakan sepenuhnya oleh semua pihak terutamanya di Kelantan jika strategi yang terdapat dalam belanjawan itu dilaksanakan sebaik mungkin.

Presiden Persatuan Bekas Tentera Malaysia (PBTM) Senator Datuk Mohamad Abdul Ghani pula menyifatkan Belanjawan itu merupakan belanjawan prihatin dan seimbang bagi menghadapi kesan kegawatan ekonomi.

Beliau berkata belanjawan itu adalah baik untuk kakitangan awam terutamanya anggota tentera.

Di SHAH ALAM, Menteri Besar Selangor Datuk Seri Dr Mohamed Khir Toyo menyifatkan peruntukan yang banyak bagi pembangunan luar bandar sebagai satu langkah wajar ke arah mengimbangi pengagihan kekayaan antara penduduk bandar dan luar bandar.

Beliau juga berharap pihak-pihak tertentu tidak akan menaikkan harga barangan berikutan kenaikan harga petrol dan diesel.

Di KUANTAN, Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Hal Ehwal Wanita, Maznah Mazlan berkata langkah kerajaan membenarkan ibu-ibu tunggal untuk terus menerima pencen suami walaupun berkahwin lagi akan membantu meringankan perbelanjaan seharian bagi menampung keluarga mereka.

Menurut beliau lagi, peruntukan RM59 juta untuk membiayai program khusus bagi kaum wanita akan dapat merealisasikan potensi mereka dengan sebaik-baiknya.

Pengerusi Jawatankuasa Luar Bandar dan Hal Ehwal Peneroka Datuk Shahiruddin Ab Moin berkata bantuan oleh Felda untuk pekebun kecil, getah dan kelapa sawit yang mengalami kesempitan hidup akibat kejatuhan harga kooditi itu menunjukkan kerajaan mengambil berat terhadap nasib kedua-dua golongan itu.

Di KUCHING, Presiden Dewan Usahawan Bumiputera Sarawak (DUBS) Datuk Abang Abdul Karim Tun Abang Openg, dalam menyambut baik langkah-langkah yang telah diambil untuk merangsangkan ekonomi negara berkata, usahawan-usahawan Bumiputera di negeri itu perlu muncul dengan strategi-strategi untuk menghadapi cabaran yang dibawa oleh kegawatan sekarang.

Di MELAKA, Ketua Menteri Datuk Seri Mohamed Ali Rustam meminta semua agensi-agensi kerajaan negeri membelanjakan wang yang diperuntukkan mengikut jangkamasa yang ditetapkan.

Beliau berkata kerajaan negeri menyambut baik tumpuan terhadap pembangunan sektor perkhidmatan khususnya sektor pelancongan dengan tabung pelancongan ditambah kepada RM400 juta daripada RM200 juta.

Di JOHOR BAHARU, Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Perumahan Negeri, Samat Aripin mengingatkan masyarakat supaya berbelanja secara berhemah walaupun sumber pendapatan mereka meningkat berikutan kenaikan gaji sebanyak 10 peratus dan penurunan cukai pendapatan individu sebanyak satu peratus kepada 28 peratus pada tahun depan.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar Negeri Othman Jais pula berharap pelbagai insentif yang diperuntukkan menerusi Belanjawan itu akan mengalakkan lebih banyak syarikat menceburkan diri dalam pelaburan sektor pertanian.

Seorang kakitangan awam Aishah Ali, yang menyambut baik pemberian bonus dan kenaikan gaji sebanyak 10 peratus, berkata ia dapat membantu meringankan beban kewangan mereka yang tinggal di bandar raya Johor Baharu dengan kos kehidupannya yang tinggi.

-- BERNAMA

NO MNY BH MAM PR